

Amalan Menabung Sebagai Persediaan Berdepan Kecemasan



Oleh: Azrul Ruslan

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 23 Julai 2021



Gambar hiasan

Dalam keadaan ekonomi sedang meruncing akibat pandemik Covid-19, amalan berjimat adalah sangat disarankan untuk semua anggota masyarakat.

Mulalah menabung sekarang kerana kita tidak tahu apa yang bakal terjadi pada masa hadapan dan ia amat penting bagi tujuan kecemasan.

Penularan wabak Covid-19 yang sedang melanda dunia ketika ini mencetuskan kerisauan dan meninggalkan pelbagai kesan sehingga menyebabkan banyak negara mengumumkan sekatan pergerakan terhadap rakyatnya bagi membendung virus itu daripada terus menular.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada melaksanakan langkah yang sama dan kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020.

Pelaksanaan PKP mengubah kehidupan harian kita termasuk daripada segi kewangan terutamanya kepada mereka yang diberhentikan kerja atau menerima upah harian.

Bank Dunia turut menjangkakan paling awal ekonomi dunia akan pulih pada 2021. Maka, kita seharusnya menilai semula tahap kewangan masing-masing.

Sebaik-baiknya amalkan sikap berjimat cermat ketika berbelanja dan hanya membeli barang-barang yang diperlukan sahaja.

Islam amat menggalakkan kita bersikap sederhana dan berjimat-cermat. Dalam al-Quran, banyak kisah silam yang Allah SWT bentangkan untuk kita jadikan sebagai renungan dan mengambil pengajaran daripadanya.

Dalam mafhum ayat 43 surah Yusuf, dinyatakan seorang raja telah bermimpi tujuh ekor lembu betina yang gemuk memakan tujuh lembu betina yang kurus dan tujuh tangkai gandum yang hijau serta tujuh tangkai gandum yang kering.

Mimpi yang dialami oleh raja tersebut telah dijelaskan maknanya oleh Nabi Yusuf as sebagaimana dalam ayat 47 surah Yusuf yang bermaksud: “Yusuf berkata: Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan.”

Pengajaran yang dapat kita ambil dari kisah di atas adalah pentingnya simpanan atau tabungan. Dalam kehidupan kita, pasti akan ada pasang surutnya. Itulah lumrahnya.

Perancangan yang baik dalam mengurus harta akan membantu kita untuk menghadapi situasi kecemasan seperti krisis kewangan.

Namun, gaya hidup generasi muda zaman sekarang amat membimbangkan. Mereka lebih suka memilih untuk hidup dengan gaya mewah daripada berjimat cermat.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, kira-kira 40 peratus generasi milenium berbelanja melebihi kemampuan. Perangkaan yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia pula menunjukkan 47 peratus belia Malaysia mempunyai hutang kad kredit yang tinggi.

Bukan semua rakyat Malaysia mempunyai kesedaran berkaitan amalan menabung. Ada yang berkata, bagaimana hendak menabung, untuk mencari sesuap nasi seperti kais pagi makan, pagi kais petang makan petang.

Sebenarnya amalan menabung tidak sukar dilakukan. Terdapat beberapa tip yang boleh digunakan untuk melatih diri kita menyimpan wang.

Pakar kewangan mengesyorkan amaun tabung kecemasan adalah antara tiga sehingga bulan perbelanjaan bulanan. Perkara ini penting sebab kita tidak akan tahu apa yang berlaku pada masa akan datang.

Contohnya jika perbelanjaan bulanan adalah RM2,000, maka untuk membina tabung kecemasan selama tiga bulan kita perlu menyediakan simpanan sebanyak RM6,000 untuk menampung perbelanjaan sekiranya hilang sumber pendapatan.

Elakkan daripada menggunakan kad kredit bagi membeli barangan keperluan terutamanya dalam perbelanjaan harian. Penggunaan kad kredit secara tidak terancang tanpa disedari akan meningkatkan beban hutang.

Bagi memudahkan kita membuat tabungan, lakukan pemotongan melalui gaji bulanan. Langkah ini lebih bersifat praktikal dan kita tidak perlu lagi memikirkan tabungan setiap bulan kerana ia dibuat secara automatik.

Marilah kita bersama-sama membina sikap suka menabung dan membelanjakan harta secara berhemat. Latihlah anak-anak kita dengan gaya hidup yang sederhana agar mereka terbiasa dengannya dan menjadikannya sebagai amalan sepanjang hayat.